

MEI 2025 / BIL. 13 / 2025

# EON

*Epitome of Nature*

PENDIDIKAN BERKUALITI



MAJALAH PP BIOLOGI  
UITMCNS

ISSN 2773-5869



9 772773 586005

## PENDIDIKAN BERKUALITI DALAM MEMBENTUK INSAN HOLISTIK: PERSPEKTIF UiTM

Nor Tasnim Syahera\*, Riza Emifazura, Ima Shanaz, Noryanne  
Department of Business and Management, Universiti Teknologi  
MARA Cawangan Perak, Malaysia

\*tasnimsyahera@uitm.edu.my

EDITOR: MU'ADZ AHMAD MAZIAN

Pendidikan berkualiti merupakan salah satu matlamat utama dalam agenda global, khususnya dalam Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) 4, yang menekankan kepentingan akses pendidikan yang inklusif, adil, dan berkualiti tinggi (Saini et. al, 2022). Di Malaysia, konsep pendidikan berkualiti bukan sahaja berfokus kepada pencapaian akademik, tetapi juga kepada pembangunan insan holistik. Dalam konteks Universiti Teknologi MARA (UiTM), pendekatan ini diperkuat melalui pelaksanaan kerangka **JERI**, iaitu **Jasmani, Emosi, Rohani, dan Intelek**.

### Jasmani: Kesihatan Fizikal Sebagai Asas Kesejahteraan

Elemen jasmani dalam pendidikan berkualiti menitikberatkan kesihatan fizikal dan gaya hidup aktif (Sari et.al, 2024). Pelajar yang sihat secara fizikal cenderung lebih produktif dan mampu memberi tumpuan penuh dalam pembelajaran (Wang et. al, 2024).

Tambahan lagi, melalui pelbagai program yang dianjurkan seperti sukan universiti, senamrobik, dan aktiviti riadah, memastikan bahawa pelajar mendapat peluang untuk membina stamina, kekuatan, dan daya tahan. Kesihatan fizikal ini menyokong pembelajaran yang efektif, sekali gus melahirkan individu yang seimbang.

### Emosi: Kesejahteraan Emosi untuk Kesedaran Kendiri

Pendidikan berkualiti tidak dapat dipisahkan daripada aspek emosi (Aziz, 2022). Elemen emosi dalam JERI membantu pelajar mengembangkan kecerdasan emosi, yang merangkumi keupayaan untuk mengurus tekanan, membina hubungan positif, dan mengekalkan keseimbangan hidup. Dalam ekosistem pendidikan UiTM, pelajar didedahkan kepada sokongan kaunseling, program motivasi, dan aktiviti kesedaran kesihatan mental. Usaha ini memastikan pelajar mempunyai daya tahan emosi

yang kuat untuk menghadapi cabaran akademik dan kehidupan.

### Rohani: Nilai Murni Sebagai Panduan Kehidupan

Elemen rohani memainkan peranan penting dalam membentuk insan yang berakhlaq mulia dan beretika (Sarim Karimullah, 2023). Pendidikan berkualiti di UiTM menekankan nilai-nilai seperti integriti, tanggungjawab, dan keinsafan spiritual. Melalui kursus Tamadun Islam dan program kerohanian seperti usrah, solat berjemaah, dan kem motivasi, pelajar dibimbing untuk menjadi individu yang berpegang teguh kepada nilai agama dan budaya (Zainuddin et.al, 2022). Elemen ini memperkasa pelajar untuk menjadi pemimpin yang berlandaskan prinsip dan keadilan.

### Intelek: Keunggulan Akademik dan Pemikiran Kritis

Pendidikan berkualiti pastinya melibatkan pembangunan intelektual (Julaeha and Pitriani, 2023). Elemen intelek dalam JERI berfungsi untuk mengasah daya fikir kritis, kreativiti, dan inovasi. Justeru, UiTM telah menyediakan pelbagai platform seperti penyelidikan, program inovasi, dan kolaborasi industri bagi memastikan pelajar mampu bersaing di peringkat global. Dalam dunia yang semakin kompleks, elemen intelektual ini membantu pelajar menghadapi cabaran masa

depan dengan penuh keyakinan.

## Kesimpulan: JERI Sebagai Tulang Belakang Pendidikan Berkualiti

Gabungan elemen Jasmani, Emosi, Rohani, dan Intelek membentuk asas pendidikan berkualiti di UiTM. Kerangka JERI memastikan pelajar bukan sahaja cemerlang dalam akademik, tetapi juga seimbang dari segi fizikal, emosi, dan spiritual.

Pendidikan berkualiti yang berasaskan JERI ini melahirkan graduan yang bersedia untuk menyumbang kepada pembangunan masyarakat dan negara secara menyeluruh.

Melalui pendekatan holistik ini, UiTM bukan sahaja memenuhi tuntutan SDG 4, tetapi juga memupuk generasi baharu yang mampu mengharungi cabaran global dengan nilai murni, kecerdasan intelek, dan keseimbangan diri.

## Rujukan

